

MSSNS anjur Kejuaraan Silat. 1 NOV 1989 Olahraga

MAJLIS Seni Silat Negeri Selangor (MSSNS) akan menganjurkan Kejuaraan Silat Seni dan Olahraga Peringkat Negeri di Dewan Datuk Hormat Rafie, Tanjung Karang pada 25 dan 26 November ini.

Kejohanan itu bertujuan memilih pesilat untuk mewakili Selangor ke kejuaraan kebangsaan yang mungkin diadakan pada Disember ini.

Setiausaha MSSNS, Idris Johari, meminta ahli gabungan membuat persediaan awal bagi menyenaraikan pesilat masing-masing ke kejuaraan itu.

Katanya, MSSNS memerlukan pesilat-pesilat berwibawa bagi menghadapi kejuaraan kebangsaan nanti, dan sekaligus mengekalkan kejuaraan tahun lalu.

Idris tidak menolak kemungkinan Selangor akan menjadi tuan rumah kejuaraan kebangsaan, musim ini setelah Melaka menarik diri secara mendadak.

Selain itu, beliau berkata Majlis Seni Silat Daerah Klang (MS-SDK) juga akan mengadakan pertandingan pemilihan bagi silat seni dan olahraga di Dewan Datuk Ahmad Razali, Batu Empat, Jalan Kampar pada Ahad ini.

Katanya, semua pertubuhan silat di daerah itu yang berdaftar dengan MSSDK boleh menghantar wakil masing-masing nanti. Pesilat yang menjuarai pertandingan ini akan dipilih ke kejuaraan peringkat negeri.

Ahli-ahli gabungan yang mahu mendapat keterangan lanjut boleh menghubungi Idris, di Pejabat Orang-Orang Besar Selangor, di Klang atau tel: 3328481.

PRESIDEN PESAKA

- 2 NOV 1989

B. Harian (M)

Masis belum cadang calonkan MB Selangor

MAJLIS Silat Negeri Selangor (Masis) belum membuat cadangan rasmi tentang kemungkinan mencalonkan Menteri Besar, Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib bagi merebut jawatan Presiden Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), bulan depan. Setiausaha Kerja Masis, Idris Johari, berkata badan induk itu tidak pernah membayangkan pencalonan kerana setakat ini me-

reka belum membuat sebarang keputusan rasmi. **PENCAK/SILAT**

Sebelum ini tersiar berita bahawa Presiden Pesaka, Datuk Haji Abdul Rahman Mahmud dijangka mendapat tentangan daripada Tan Sri Muhammad, Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik dan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Datuk Sabbaruddin Chik

dikatakan cuba dicalonkan oleh Pahang dan Datuk Seri Najib pula oleh Kelantan. Johor tidak pasti sama ada mahu mencalonkan Menteri Besar, Tan Sri Muhyiddin Yassin atau terus menyokong Datuk Haji Abdul Rahman.

Idris juga berkata, Masis juga belum mengeluarkan kenyataan rasmi akan menganjurkan Kejuaraan Silat Kebangsaan ke-5 berikutan penarikan diri Me-

laka secara mendadak.

"Masis enggan membuat sebarang keputusan kerana ia membabitkan Kerajaan Negeri dan selagi perkara itu belum diselesaikan, kami tidak boleh menganjurkan kejuaraan berkenaan," katanya.

Sebelum ini, sumber-sumber Masis dipetik sebagai membayangkan kemungkinan Selangor menjadi tuan rumah bagi pertandingan itu.